



**SYARAT DAN PERATURAN  
ANUGERAH PROGRAM AKADEMIK INOVATIF  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2024**

### **DEFINISI PROGRAM AKADEMIK INOVATIF**

Program Akademik Inovatif merupakan program akademik yang memberikan penekanan terhadap reka bentuk kurikulum dan kaedah penyampaian yang berasaskan hasil pembelajaran pelajar.

### **OBJEKTIF ANUGERAH**

Anugerah ini bertujuan mengiktiraf program akademik (di semua peringkat pengajian) yang menekankan kepada reka bentuk kurikulum dan kaedah penyampaian secara inovatif dan kreatif sehingga berjaya melahirkan graduan yang berdaya tahan dan tersedia masa hadapan (*resilient and future-ready*). Ini merangkumi pedagogi, pentaksiran alternatif dan persekitaran pembelajaran kondusif dan interaktif. Program ini memberikan inspirasi kepada pelajar menjadi lebih kreatif, kritis dan analitik bagi mencapai hasil pembelajaran yang responsif kepada perubahan serta keperluan universiti, negara dan global.

### **SYARAT PERMOHONAN**

1. Terbuka kepada semua program pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dari peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran yang menawarkan program secara kerja kursus, mod campuran atau mod penyelidikan.
2. Tiada had penyertaan bagi setiap Fakulti/ Pusat Akademik.
3. Penyertaan perlu dihantar dalam bentuk slide powerpoint pada atau sebelum **9 Oktober 2024 (Rabu)** di alamat emel [pkpa@umk.edu.my](mailto:pkpa@umk.edu.my)
4. Penilaian anugerah diambil kira bermula pada **Januari sehingga September 2024**.
5. Setiap penyertaan perlu mendapatkan pengesahan daripada ketua Pusat Tanggungjawab Akademik (Dekan/ Pengarah) masing-masing.

6. Borang permohonan bagi kategori Program Akademik Inovatif perlu di isi oleh pemohon melalui pautan yang diberikan; <https://forms.gle/WL6YwVL5nEPSJi8M7>

## KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berdasarkan aspek-aspek berikut:

- i. Profil Program (10%);
- ii. Rasional (5%);
- iii. Pendekatan (30%);
- iv. Keterlibatan (10%);
- v. Impak / Keberkesanan (40%); dan
- vi. Kebolehpasaran graduan (5%)

<b>Profil Program (10%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Nyatakan secara ringkas profil program akademik (Nama Program, Tahun Pengajian, Tahun Pertama Penawaran Program, Fakulti, Ketua Program, Pensyarah Program).</li> <li>ii. Nyatakan bilangan permohonan dan bilangan pelajar yang mendaftar bagi program ini.</li> </ul>
<b>Rasional (5%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Nyatakan rasional pembangunan program akademik ini.</li> <li>ii. Jelaskan falsafah penggubalan program secara menyeluruh dari segi reka bentuk kurikulum dengan disokong oleh aspek pedagogi, pentaksiran alternatif dan persekitaran pembelajaran kondusif dan interaktif.</li> </ul>
<b>Pendekatan (30%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Apakah pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang diterapkan dalam program?</li> <li>ii. Senarai strategi/pendekatan inovatif yang diterapkan dalam aktiviti PdP program.</li> <li>iii. Sejauh mana pendekatan program yang dilaksanakan berjaya melahirkan graduan yang berdaya tahan dan tersedia masa hadapan (<i>resilient and future-ready</i>).</li> </ul>

<b>Keterlibatan (10%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Nyatakan bilangan program akademik yang mempunyai penglibatan industri/ agensi/ NGO.</li> <li>ii. Nyatakan bilangan program akademik yang mempunyai penglibatan komuniti.</li> <li>iii. Bilangan program akademik yang mendapat pengiktirafan badan profesional.</li> </ul>
<b>Impak/Keberkesanan (40%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bagaimana program ini berupaya melahirkan /menampilkan kemenjadian graduan? (Sertakan bahan yang berkaitan. Contoh laporan dan matrik pencapaian, laporan/maklum balas pemegang taruh dan alumni, video, laman web/blog/e-portfolio, dokumen dan sebagainya).</li> <li>ii. Bilangan graduan yang berjaya mencipta pekerjaan atau syarikat pemula (<i>start-up</i>).</li> <li>iii. Sejauh manakah kurikulum ini memberikan impak kepada kualiti pembelajaran pelajar?</li> <li>iv. Bilangan program akademik yang pernah memenangi anugerah kebangsaan atau antarabangsa</li> <li>v. Testimoni daripada industri/ agensi/NGO/ komuniti</li> </ul>
<b>Kebolehpasaran graduan (5%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Nyatakan peratusan pencapaian kebolehpasaran graduan dalam program.</li> </ul>

## NILAI ANUGERAH

Penerima Anugerah Program Akademik Inovatif akan menerima **Piala Pusingan, dan Sijil Penghargaan.**